

MENGKUCUP HAJAR AL-ASWAD

Haji A.M. Perak bertanya: saya – Alhamdulillah - telah berpeluang mengerjakan ibadat haji tahun yang lalu tetapi saya ada sedikit musykil tentang hikmah mengkucup "al-Hajar al-Aswad" di Mekah, dan caranya pula saya lihat ada berlain-lain: ada yang mengkucup, ada yang menjamah dengan tangannya dan ada yang hanya memberi isyarat dari jauh ke arahnya. Harap kiranya mendapat sedikit penjelasan.

Jawab: Memang di dalam Islam ada setengah daripada ibadat yang tidak diketahui hikmahnya tetapi mesti dikerjakan apabila ada perintah dari Allah dan Rasul-Nya. Di antara ibadat-ibadat itu ialah perkara mengkucup atau menjamah ataupun memberi isyarat dengan tangan kepada al-Hajar al-Aswad ketika seseorang itu mengerjakan tawaf – mengelilingi Baitullah – kerana berpandu kepada amalan Rasulullah (SAW) seperti yang tersebut dalam beberapa hadis ini:

"Qala Jābir, Anna Rasūlullah (SAW) lamma qaddama Makkah, atā al-ḥajar fastalamuhu, thumma mashā 'alā yamīnihi, fa ramala thalāthan wa mashā arba'an". – al-Bukhari dan Muslim.

(Kata Jābir: Sesungguhnya Rasulullah (SAW) tatkala sampai di Mekah, ia mendatangi al-Hajar al-Aswad lalu menjamahnya, kemudian ia berjalan (tawaf) menurut arah kanannya lalu ia berjalan cepat tiga kali (berkeliling) dan berjalan biasa empat kali).

Hadis ini menjelaskan salah satu cara amalan Rasulullah (SAW) berkenaan al-Hajar al-Aswad ini iaitu menjamahnya dengan tangannya.

Tentang mengkucupnya pula ada diriwayatkan oleh al-Bukhari:

"Su'ila ibn 'Umar 'an istilām al-ḥajar fa qāla: ra'aytu Rasūlullah (SAW) yastalimuhu wa yuqabbiluhu."

(Ibn 'Umar telah ditanya orang tentang perkara menjamah al-Hajar al-Aswad, lalu ia menjawab: aku ada melihat Rasulullah (SAW) menjamah dan mengkucupnya).

Soal mengkucup Hajar al-Aswad juga ada diriwayatkan oleh Muslim:

"Qāla 'Abd Allāh ibn Sarjis: ra'aytu 'Umar al-Khaṭṭāb yuqabbilu al-ḥajar (al-aswad) wa yaqūl: wallāhī innī la uqabbiluka wa inni a'lam annaka lā taḍurru wa lā tanfa', walau lā inni ra'aytu Rasulullah (SAW) qabbalaka mā qabbaltuka."

(Kata 'Abd Allāh ibn Sarjis: aku ada melihat 'Umar Ibn al-Khaṭāb mengkucup al-Hajar al-Aswad dan berkata: Demi Allah! Aku mengkucupmu dan sesungguhnya aku tahu bahawa engkau tidak dapat membahayakan atau memberi manfaat; dan jika tidaklah aku melihat Rasulullah (SAW) mengkucupmu nescaya tidaklah aku kucupmu).

Tentang cara memberi isyarat dengan tangan, ada diriwayatkan oleh Bukhārī:

"Qāla ibn 'Abbās: Ṭāfa Rasulullāh (SAW) 'alā ba'īr, kullamā atā 'alā al-ruknu, ashāra ilayhi bi shay'in fī yadihi wa kabbara."

(Kata Ibn 'Abbās: Rasulullāh (SAW) (pernah) *ṭawāf* dengan menunggang unta, tiap-tiap kali ia berhadapan dengan al-Hajar al-Aswad itu ia isyaratkan kepadanya dengan sesuatu yng ditangannya dan ia bertakbir).

Tentang ini juga diriwayatkan oleh Muslim:

"Qāla al-Ṭufayl: ra'aytu Rasulullāh (SAW) yaṭufu bi al-bayt wa yustaslamu al-ḥajar bi maḥjan wa yuqbal al-maḥjan."

(Abū al-Ṭufayl berkata: aku ada melihat Rasulullāh

(SAW) tawaf di Baitullah dan menjamah al-Hajar al-Aswad dengan tongkat yang bengkok kemudian ia kucup tongkat itu).

Daripada keterangan hadis-hadis yang tersebut ini dapatlah diketahui bahawa mengkucup, menjamah dan memberi isyarat dari jauh kepada al-Hajar al-Aswad dalam masa mengerjakan tawaf, ketiga-tiganya pernah diamalkan oleh Rasul Allāh (SAW).

Orang-orang Islam boleh mengerjakan salah satu – menurut kesempatan – kalau tak dapat mengkucup Hajar al-Aswad kerana orang ramai penuh berjejal, memadai dengan menghulurkan tangan dan menjamahnya. Kalau tak dapat juga, memadai dengan isyarat dari jauh sambil bertakbir.

* * *

Soal bagaimanakah syarat-syarat hadis-hadis sahih menurut perkataan Imam Syafi'i?

Jawab: Tersebut di dalam kitab Usul Al-Fiqh Imam Shafi'ī bahawa sekurang-kurangnya hadis yang boleh dinamakan sahih itu adalah hadis yang tiap-tiap seorang daripada rawinya hingga sampai kepada Nabi atau sahabat itu bersifat:

Berbakti, dipercayai agamanya, jujur di dalam tutur katanya, mengerti apa yang diriwayatkannya, tahu akan perkara yang boleh mengubah makna hadis kalau ia meriwayatkan hadis dengan makna, kuat hafaznya kalau ia riwayatkan hadis dengan jalan menghafaz, dan ada lain-lain lagi syarat-syarat yang tidak begitu penting, bahkan telah termasuk dalam salah satu syarat yang tersebut di atas itu.

Begitulah syarat-syarat hadis sahih menurut pendapat imam Shafi'ī. Begitu juga pendapat kebanyakan ulama hadis yang sahih riwayatnya, hendaklah hadis itu tidak berlawanan dengan Qur'ān atau berlawanan dengan hadis yang lebih kuat riwayatnya. Kalau kita bertemu satu hadis yang saih menurut riwayat tetapi ada berlawanan dengan Qur'ān atau berlawanan dengan hadis yang lebih kuat, maka pada waktu itu hendaklah ditakwil dengan takwil yang tidak terkeluar daripada kemahuan bahasa Arab. Tetapi kalau sudah tak dapat di takwil lagi maka pada masa itu hendaklah didiamkan hadis itu: tidak boleh digunakan.

* * *

PIRATE TEKSI

Salim ibn Abdul Rahman, Gelang Serai Singapura bertanya: Selama pekerja bas *Tracktion Company* mogok baharu-baharu ini maka "pirate-pirate teksi" banyak keluar mengambil sewa kepada umum menjadi saingan dengan teksi-teksi yang mempunyai lesen. Bayaran yang diterima oleh "pirate-pirate teksi" (kereta-kereta pakai yang digunakan untuk mencari sewa) dengan teksi-teksi yeng berlesen itu sama. Umpamanya dari Kampung Jawa ke Geylang sama, mereka mengambil sewa sebanyak 30 sen seorang. Manakah yang lebih baik kita naiki di antara keduanya?

Jawab: Yang lebih baik kita naiki ialah kereta-kereta teksi berlesen, tiap-tiap kereta teksi yang berlesen itu ada mampunyai insurans-insurans khas yang mengawal penumpang-penumpang di dalamnya – sedang pirate-pirate teksi itu tidak mempunyai kawalan yang tersebut.

Umpamanya seorang telah menumpang sebuah pirate teksi dan di dalam perjalanannya ia kemalanagan – patah kakinya umpamanya. Ia tidak boleh menuntut apa-apa ke atas pirate teksi itu. Bersalahan, jika ia naiki teksi yang berlesen maka dengan sendirinya apabila terbit sesuatu kemalangan maka penumpang-penumpang yang duduk di dalamnya adalah dikawal oleh insurans yang bakal membayar ganti rugi penumpang-penumpang yang malang dengan mengikut kadar yang kelak ditentukan sampai ke mana kemalangan yang menimpanya. Jadi lebih terkawal dan terjamin seseorang naik teksi yang berlesen daripada naik pirate teksi.